



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN MENGGUNAKAN Kaedah QURAN ISYARAT BAGI KOMUNITI OKU MASALAH PENDENGARAN DI PERSATUAN ORANG PEKAK PULAU PINANG**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MUHAMAD SYAZWAN BIN SOPIAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**  
**2024**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN  
MENGGUNAKAN KAEDAH QURAN ISYARAT BAGI KOMUNITI OKU  
MASALAH PENDENGARAN DI PERSATUAN ORANG PEKAK PULAU  
PINANG**

**MUHAMAD SYAZWAN BIN SOPIAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI KEPERLUAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA  
PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2024**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

UP-SPRS-380-32  
Perd. 00 mrs. 1/1

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IJHIS**  
Sila tanda (✓)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 28.02 (hari bulan) 2024 (bulan)

i. Perakuan pelajar : **SAJNS KEMANUSIAAN**  
Saya, MUHAMAD SYAZWAN BIN SOPIAN, D20201094282, FAKULTI (**SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI**) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN MENGGUNAKAN KAEDAH QURAN ISYARAT BAGI KOMUNITI OKU MASALAH PENDENGARAN DI PERSATUAN ORANG PEKAH PULAU PINANG adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiati dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Syazwan  
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia: **SHAH BIN ABDUL HADI**  
Saya, PROF. MADYA DR AHMAD ZULFIQAR (**NAMA PENYELIA**) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN MENGGUNAKAN KAEDAH QURAN ISYARAT BAGI KOMUNITI OKU MASALAH PENDENGARAN DI PERSATUAN ORANG PEKAH PULAU PINANG (**TAJUK**) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepuhunya syarat untuk memperoleh ijazah SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (**SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH**).

28-02-2024  
Tarikh

Shah bin Abdul Hadi  
Tandatangan Penyelia

PROF MADYA DR AHMAD ZULFIQAR SHAH ABDUL HADI  
Pengarah Kanan  
Jabatan Pengajian Islam  
Fakulti Sains Komuniti  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**CS CamScanner**





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

**Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan nukilan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.**

*syazwan*

MUHAMAD SYAZWAN BIN SOPIAN

D20201094382

4 MAC 2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, syukur alhamdulilah kepada Allah SWT atas rahmat dan limpah kurnia-Nya yang diberikan kepada saya untuk melaksanakan projek tahun akhir ini dengan jayanya. Hasil dorongan dari pelbagai pihak mungkin saya tidak akan berjaya untuk menyiapkan penulisan saya ini jika tidak ada dorongan yang padu dari orang sekeliling saya. Terima kasih saya ucapkan atas dorongan, bimbingan dan kerjasama dari semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Ahmad Zulfiqar Shah bin Abdul Hadi selaku penyelia bagi projek ini kerana tidak jemu memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalankan kajian ilmiah ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar yang beliau berikan kepada saya, amat saya hargainya.



Ucapan terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada ayahanda tercinta Sopian bin Shaari dan ibunda yang disayangi Emilia binti Omar yang sentiasa menjadi pembakar semangat sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan saya iaitu Aiman bin Asli dan Muhammad Hilmi bin Mohd Sidek kerana telah memberi tunjuk ajar, sokongan, dorongan dan panduan untuk melaksanakan penulisan ilmiah ini. Akhir sekali, Encik Sideek bin Shahul Hamid, Ustazah Nur Awatif Izzati binti Mohd Talib dan pelajar-pelajar OKU masalah pendengaran bagi Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang yang telah menjadi responden dalam kajian ini, saya ucapkan jutaan terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk menjawab soalan temu bual yang berkaitan dengan penulisan kajian saya serta penghargaan buat individu atau mana-mana kumpulan yang telah memberikan kerjasama yang baik sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Sekian, Terima Kasih,

Muhammad Syazwan bin Sopian





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif berbentuk temu bual. Seramai 7 orang responden telah ditemu bual dan data dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatkan kajian mendapati bahawa Kaedah Quran Isyarat menggunakan sistem ujian kognitif, teknik penghuraian, diberikan nota beserta latihan. Tempoh pengajaran kelas singkat, tiada pemilihan pelajar dan pengajaran yang diterapkan mudah difahami serta seronok. Terdapat masalah dan cabaran bagi Kaedah Quran Isyarat seperti masalah kehadiran, masalah kerjasama pelajar, saiz kelas serta kelengkapan kelas tidak mencukupi dan perlu menambah baik latihan. Bagi keberkesanan, terdapat ujian keberkesanan Kaedah Quran Isyarat, pelajar yang mampu mengamalkan Kaedah Quran Isyarat tanpa bantuan dan pelajar yang mampu mengajar Kaedah Quran Isyarat kepada rakan-rakan. Akhir sekali, cadangan penambahbaikan adalah pihak Jabatan Agama menambah jumlah tenaga pengajar Quran Isyarat, promosikan kelas di media sosial, kelas dilaksanakan setiap minggu dalam sebulan, pemberian saguhati bagi menambah penyertaan, bentuk latihan baharu, cadangan prasarana seperti pusat pembelajaran tetap, kelengkapan kelas, terdapat pemberian bantuan yang diberikan dan dicadangkan pelaksanaan kelas pada hari ahad pada pukul 10:00 pagi sehingga 5:00 petang. Sumbangan kajian ini adalah untuk memberi bantuan kepada OKU masalah pendengaran bagi mempelajari Al-Quran dengan menggunakan Kaedah Quran Isyarat ini dengan lebih mudah. Kesimpulannya, bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang ini amat penting dan perlu ditambah baik untuk kegunaan masa hadapan.





## IMPLEMENTATION OF AL-QURAN TEACHING AND LEARNING USING THE QURAN SIGNAL METHOD FOR THE DISABLED COMMUNITY OF HEARING PROBLEMS IN THE PENANG DEAF ASSOCIATION

### ABSTRACT

The aim of this study was to examine the implementation of the teaching and learning of the Quran using the Quranic Signal Method for the hearing impaired community at the Penang Deaf Association. The study used a qualitative approach in the form of an interview. A total of 7 respondents were interviewed and the data was analyzed using thematic analysis. The findings found that the Signal Quran Method used a system of cognitive tests, elaboration techniques, given notes and training. The duration of the class lesson is short, there is no student selection and the applied teaching is easy to understand and fun. There are problems and challenges for the Quran Signal Method such as attendance problems, student collaboration problems, class sizes and insufficient classroom equipment and need to improve training. For effectiveness, there is a test of the effectiveness of the Signal Quran Method, students who are able to practice the Signal Quran Method without help and students who are able to teach the Quran Signal Method to friends. Finally, the improvement proposal is for the Religious Department to increase the number of Quran Signal instructors, promote classes on social media, classes be conducted every week of the month, consolation to increase participation, new forms of training, infrastructure proposals such as permanent learning centres, classroom equipment, there is a provision of assistance given and proposed implementation of classes on Sundays at 10:00 am to 5:00 pm. The contribution of this study is to provide assistance to the hearing impaired to learn the Quran by using the Quran Signal method more easily. In conclusion, the implementation of the teaching and learning of the Quran using the Quranic Method of Signal for the hearing impaired community in the Penang Deaf Association is very important and needs to be improved for future use.





## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB 1</b>	1
<b>PENGENALAN</b>	1
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	2
1.3    Permasalahan Kajian	5
1.4    Objektif Kajian	9
1.5    Persoalan Kajian	10
1.6    Hipotesis Kajian	11
1.7    Kepentingan Kajian	11
1.8    Batasan Kajian	12
1.9    Definisi Istilah	13





1.10 Kerangka Konseptual Kajian	17
1.11 Kesimpulan	19
<b>BAB 2</b>	<b>21</b>
<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>21</b>
2.1 Pendahuluan	21
2.2.1 Ketidakupayaan Fizikal	24
2.2.2 Ketidakupayaan Pendengaran	25
2.2.3 Ketidakupayaan Penglihatan	27
2.2.4 Ketidakupayaan Akal (Mental)	28
2.2.5 Ketidakupayaan Masalah Pembelajaran	29
2.3 Taklifan orang kurang upaya (OKU) Islam mempelajari Al-Quran	31
2.4 Pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	34
2.5 Pelaksanaan, masalah dan cabaran serta keberkesanan pengajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	37
2.5.1 Pelaksanaan pengajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	38
2.5.2 Masalah dan cabaran yang terdapat di dalam pengajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	39
2.5.3 Keberkesanan pengajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	41
2.6 Kaedah Quran Isyarat	43
2.6.1 Kod Tangan Quran (KTQ)	43
2.6.2 Transliterasi Makhraj	44
2.7 Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	46
2.7.1 Sejarah Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	46
2.7.2 Matlamat Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	47
2.7.3 Perkhidmatan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	48
2.7.4 Pengajaran kelas Al-Quran Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	49
2.8 Kajian-Kajian Lepas	50
2.9 Kesimpulan	53





<b>BAB 3</b>	<b>55</b>
<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>55</b>
3.1    Pendahuluan	55
3.2    Metodologi Kajian	56
3.3    Reka Bentuk Kajian	58
3.4    Responden dan Sampel Kajian	62
3.5    Lokasi Kajian	64
3.6    Instrumen Kajian	64
3.6.1    Maklumat diri guru, pelajar dan pentadbir	66
3.6.2    Temu Bual Peserta Kajian	66
3.7    Prosedur Pemerolehan Data	68
3.7.1    Kaedah Temu Bual	69
3.8    Tatacara Penganalisan Data	72
3.8.1    Analisis Tematik	74
3.9    Kesimpulan	77
<b>BAB 4</b>	<b>78</b>
<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>78</b>
4.1    Pendahuluan	78
4.2    Profil Responden Temu Bual (Pentadbir Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang)	79
4.2.1    Maklumat peribadi pentadbir	79
4.3    Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	79
4.3.1    Sejarah penubuhan dan perkembangan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang serta kelas Quran Isyarat	80
4.3.1.1    Sejarah penubuhan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	80
4.3.1.2    Sejarah penubuhan dan pencetus idea bagi kelas Quran Isyarat	82
4.3.1.3    Perkembangan dan pelaksanaan aktiviti oleh Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	85
4.3.1.4    Perkembangan pelaksanaan kelas Quran Isyarat dan jumlah pelajar yang mendaftarkan diri ke dalam kelas Quran Isyarat	87



4.3.2 Penglibatan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang dan kelas Quran Isyarat	89
4.3.2.1 Penglibatan aktiviti OKU masalah pendengaran dan jumlah pendaftaran OKU masalah pendengaran di bawah Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	90
4.3.2.2 Jumlah penglibatan OKU masalah pendengaran dalam mengikuti kelas Quran Isyarat dan sambutan dari kalangan komuniti OKU masalah pendengaran terhadap kelas Quran Isyarat	92
4.3.3 Aktiviti Islam lain yang dilaksanakan, Yuran kelas Quran Isyarat dan Kebajikan ahli Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	93
4.3.3.1 Aktiviti Islam lain yang dilaksanakan dan Yuran kelas Quran Isyarat	93
4.3.3.2 Kebajikan ahli Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	95
4.4 Profil Responden Temu Bual (Guru dan pelajar OKU Masalah Pendengaran)	97
4.4.1 Maklumat peribadi guru	97
4.4.2 Pengalaman mengajar Al-Quran Isyarat	98
4.4.3 Pengalaman mengajar OKU masalah pendengaran	98
4.4.4 Maklumat peribadi pelajar OKU masalah pendengaran	99
4.4.5 Pengalaman belajar Al-Quran Isyarat	99
4.5 Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	100
4.5.1 Persepsi pelaksanaan kaedah pengajaran bagi Kaedah Quran Isyarat	101
4.5.2 Tempoh pelaksanaan pengajaran Al-Quran bagi Kaedah Quran Isyarat	106
4.5.3 Pelaksanaan modul	108
4.5.4 Pelaksanaan pemilihan pelajar	114
4.5.5 Persepsi pelaksanaan dan pengaplikasian Kaedah Quran Isyarat dalam pengajaran	115
4.6 Masalah dan cabaran yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	118
4.6.1 Penyertaan dan kehadiran pelajar	118
4.6.2 Kerjasama sepanjang kelas Quran Isyarat	120
4.6.3 Prasarana sepanjang pelaksanaan kelas Quran Isyarat	122
4.6.4 Memenuhi kehendak pelajar dalam pengajaran Kaedah Quran Isyarat	125
4.7 Keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	127



4.7.1	Pelaksanaan ujian	128
4.7.2	Kemampuan mengamalkan Kaedah Quran Isyarat tanpa bantuan	130
4.7.3	Kemampuan mengajar Kaedah Quran Isyarat kepada rakan-rakan	132
4.8	Cadangan penamaikan yang boleh dilontarkan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	134
4.8.1	Aspek jumlah guru Al-Quran Isyarat dan jumlah penyertaan pelajar	134
4.8.2	Bentuk latihan bagi menambah baik kualiti pengajaran	137
4.8.3	Prasarana bagi memudahkan kelas Quran Isyarat	139
4.8.4	Pemberian bantuan kepada kelas Quran Isyarat	141
4.8.5	Pengelolaan kelas Quran Isyarat dari sudut masa dan penjadualan	144
4.9	Kesimpulan	147
<b>BAB 5</b>		<b>148</b>
<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>		<b>148</b>
5.1	Pendahuluan	148
5.2	Ringkasan Kajian	149
5.3	Perbincangan Kajian	150
5.3.1	Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	151
5.3.2	Masalah dan cabaran yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	154
5.3.3	Keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	157
5.3.4	Cadangan penamaikan yang boleh dilontarkan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat	159
5.4	Implikasi Kajian	163
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	165
5.6	Kesimpulan	167
Rujukan		168
Lampiran		176





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI JADUAL

### Jadual

### Muka Surat

4.1	Maklumat peribadi pentadbir	79
4.2	Maklumat peribadi guru	97
4.3	Maklumat peribadi pelajar OKU masalah pendengaran	99



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI RAJAH

### Rajah

1.1	Ubahsuai dari Teori Sufian Jallet & Jamal Nordin (2021)	17
-----	--	----

### Muka Surat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



xii ptbupsi



## SENARAI GAMBAR

<b>Gambar</b>		<b>Muka Surat</b>
4.4	Isyarat abjad huruf hijaiyyah	104
4.5	Sesi pengajaran Kaedah Quran Isyarat	104
4.6	Sesi pengajaran Kaedah Quran Isyarat	105
4.7	Sesi penerangan Kaedah Quran Isyarat	105
4.8	PustakaTBainun Sesi penerangan dan bimbingan pelaksanaan Kaedah Quran Isyarat	106
4.9	Latihan modul Quran Isyarat	112
4.10	Latihan modul Quran Isyarat	112
4.11	Isi kandungan Buku Mushaf belajar menulis Al-Quran	113
4.12	Buku Mushaf belajar menulis Al-Quran	113
4.13	Keadaan kelas Quran Isyarat	125





## SENARAI LAMPIRAN

### Lampiran

### Muka Surat

A	Soalan temu bual pentadbir Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	176-180
B	Soalan temu bual guru Al-Quran Isyarat dan pelajar OKU masalah pendengaran	180-188
C	Transkrip temu bual pentadbir	189-192
D	Transkrip temu bual guru Al-Quran Isyarat	193-199
E	Transkrip temu bual pelajar OKU masalah pendengaran	200-224
F	Surat permohonan pelaksanaan temu bual	225-226





## SENARAI SINGKATAN

SWT

Subhanahu wa Ta'ala

SAW

Sallallahu 'Alaihi Wasallam

OKU

Orang Kurang Upaya

KTQ

Kod Tangan Quran

JKM

Jabatan Kebajikan Masyarakat

PDA

Penang Deaf Association

ADHD

Attention Deficit Hyperactivity  
Disorder

USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

USM

Universiti Sains Malaysia

PERDA

Penang Regional Development

Authority

iSign QurANIS

Course software interaktif pembelajaran  
quran dan solat

FAQEH

Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi  
Anak Istimewa



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**NESDA**

**Persatuan Orang Pekak Negeri**

**Sembilan**

**SHIMA**

**Society of Hearing Impaired Malaysia**

**NGO**

**Pertubuhan Bukan Kerajaan**

**PRISMA**

**Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia**

**ABIM**

**Angkatan Belia Islam Malaysia**

**COVID-19**

**Coronavirus disease 19**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**xvi**



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pada bahagian ini akan menerangkan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dilaksanakan. Terdapat beberapa subtopik pada bahagian ini iaitu latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah, kerangka konseptual kajian dan diakhiri dengan kesimpulan. Pada bahagian latar belakang, kajian ini akan menghuraikan mengenai kewajipan mempelajari Al-Quran, Kaedah Quran Isyarat dan OKU masalah pendengaran di dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat. Seterusnya, di dalam kajian ini akan menyatakan permasalahan kajian mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat. Bagi kajian ini telah meneliti persoalan kajian dan objektif kajian dengan teliti agar kajian ini dapat mencapai hasil kajian yang diingini serta menghubungkaitkan objektif tersebut dengan hipotesis kajian. Kemudian, pada bahagian ini juga akan menjelaskan kepentingan, batasan kajian, definisi istilah agar





pembaca lebih mudah memahami perjalanan penulisan kajian ilmiah ini. Akhir sekali kesimpulan bagi menyimpulkan bahagian Bab 1 secara keseluruhannya.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Al-Quran ialah kalam Allah SWT yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat Nabi Muhammad SAW. Ia merupakan panduan kepada umat Islam yang menjadikannya ia sebagai sumber rujukan utama kepada manusia dalam memacu kehidupan mereka. Menurut Anis Syazwani et al., (2023), Al-Quran merupakan salah satu mukjizat terbesar yang diberikan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW dan ia adalah sumber utama dan panduan hidup bagi umat Islam. Firman Allah SWT:



وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَيْقًا وَخَسْرَةً، يَوْمَ الْقِيَمَةِ أَعْمَى

Surah Taha (20):124

Maksudnya: “Dan barang siapa berpaling dari peringatan-Ku, maka sungguh, dia akan menjalani kehidupan yang sempit, dan kami akan mengumpulkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta.”

Ayat ini menyatakan bahawa Al-Quran memainkan peranan penting sebagai pedoman dalam kehidupan seorang Muslim. Al-Quran membantu seseorang Muslim untuk tidak tersesat dari landasan ajaran Islam yang benar. Setiap umat Islam di muka bumi ini perlu mempelajari Al-Quran kerana ia merupakan satu kewajipan kepada mereka untuk mempelajarinya. Tidak terkecuali juga kepada golongan orang kurang upaya (OKU) masalah pendengaran yang perlu mempelajari dan mengetahui tentang ilmu Al-Quran dari sudut bacaannya. Menurut Siti Rahmah et al., (2019), orang kurang





upaya (OKU) sering dikaitkan dengan isu dan perbahasan berkaitan keperluan mereka dalam pendidikan, terutamanya dalam aspek berkaitan persoalan taklif dalam menerima dan mengamalkan ajaran Islam. Oleh itu, setiap umat Islam termasuk golongan orang kurang upaya (OKU) masalah pendengaran juga perlu mempelajari ilmu Al-Quran dengan dibimbing oleh guru yang bertauliah serta berkemahiran.

Selain itu, pelbagai kaedah ataupun teknik yang boleh digunakan oleh guru-guru Al-Quran untuk dipraktikkan kepada para pelajar masalah pendengaran ini untuk mempelajari Al-Quran seperti orang biasa. Seperti yang diketahui komunikasi yang digunakan oleh golongan orang kurang upaya (OKU) terutamanya golongan yang menghadapi masalah pendengaran adalah menggunakan bahasa isyarat. Bahasa isyarat ialah suatu bentuk bahasa yang bergantung kepada kaedah komunikasi manual seperti pergerakan tangan, badan, dan bibir untuk menyampaikan maklumat bermaksud tanpa menggunakan bunyi atau suara (Wilbur, 2013) (diambil daripada Syar Meeze et al., 2018). Bagi merealisasikan impian orang kurang upaya (OKU) masalah pendengaran dalam mempelajari Al-Quran, maka telah diwujudkan satu kaedah yang dinamakan sebagai Quran Isyarat. Menurut Siti Rahmah et al., (2019), Quran Isyarat ini adalah satu projek yang dibangunkan oleh Pusat Wakaf dan Zakat USIM (PWZ), Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) dan Yayasan FAQEH. Quran Isyarat ini juga di dalamnya mengandungi keseluruhan surah di dalam Al-Quran, mempunyai elemen-elemen yang unik dan inovatif seperti Transliterasi Makhraj, jurubahasa isyarat, dan terjemahan mesra orang Pekak masih dikenal dan akan ditambahbaik dengan panduan isyarat tangan dalam huruf hijaiyyah bagi setiap ayat-ayat Al-Quran yang terpampang. Quran Isyarat dahulunya dikenali sebagai Kaedah Fakih ini memanfaatkan





abjad hijaiyyah yang digunakan untuk mencipta simbol-simbol huruf, yang membolehkan mereka yang mengalami masalah pendengaran membaca al-quran dengan lebih mudah (Syar Meeze, 2017). Oleh itu, Quran Isyarat ini adalah salah satu kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Al-Quran dalam mengajar pelajar orang kurang upaya (OKU) masalah pendengaran bagi memahami serta mempelajari Al-Quran dengan lebih mudah.

Seterusnya, maksud ataupun definisi OKU itu sendiri mempunyai pelbagai maknanya yang tersendiri. Menurut Norakyairee dan Nurutthoilah (2017), OKU, atau 'Orang Kelainan Upaya,' ialah kumpulan minoriti yang memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak, terutamanya masyarakat tempatan, untuk memastikan kelangsungan hidup mereka, termasuk aspek akses fizikal dan spiritual. Makna orang kurang upaya (OKU) ialah seseorang yang menghadapi masalah dari sudut kekurangan jangka panjang dalam aspek fizikal, mental, intelektual, atau deria, yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (JKM, 2008) (diambil daripada Nizaita et al., 2021). Selain itu, pekak membawa maksud iaitu salah satu golongan yang dikenali sebagai OKU yang mempunyai kekurangan dari sudut pendengaran (Nizaita Omar et al., 2021). Menurut Nizaita et al., (2021), golongan OKU masalah pendengaran merujuk kepada seseorang yang mengalami masalah kekurangan pendengaran sebanyak 90 db. Oleh itu, secara umumnya, orang kurang upaya masalah pendengaran boleh didefinisikan sebagai orang atau golongan yang mempunyai kekurangan dari sudut pendengaran.





Kesimpulannya, berdasarkan huraian di atas dapat difahami bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran ini adalah satu kaedah yang digunakan khususnya kepada OKU masalah pendengaran. Hal ini adalah kerana golongan OKU masalah pendengaran ini menggunakan bahasa isyarat di dalam komunikasi sehari-hari mereka. Jadi dengan adanya Kaedah Quran Isyarat ini, sedikit sebanyak akan membantu golongan ini untuk mempelajari Al-Quran. Quran Isyarat ini adalah kesinambungan kepada Kaedah Fakih yang memanfaatkan huruf hijaiyyah menggunakan simbol atau nombor bagi memudahkan OKU masalah pendengaran membaca dan mempelajari Al-Quran dengan lebih mudah. Oleh itu, dengan adanya Kaedah Quran Isyarat ini, ia mampu membantu guru atau tenaga pengajar Al-Quran bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran untuk mengajar ilmu Al-

Quran kepada golongan OKU masalah pendengaran dengan lebih mudah dan senang.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Secara umumnya, tidak wujud kajian jika tiada masalah ataupun isu yang timbul daripada kajian yang ingin dikaji oleh seseorang pengkaji. Menurut Mohd Sheffie (1995) (diambil daripada Adnan et al., 2017), perasaan ataupun tindakan ingin tahu adalah satu wadah atau jalan penggerak utama kepada penentuan di dalam sesebuah kajian. Kajian ini telah melihat di dalam kajian-kajian lepas yang mana terdapat permasalahan kajian bagi tajuk kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji sendiri. Oleh itu, terdapat beberapa permasalahan kajian yang terdapat di dalam tajuk kajian yang dikaji ini iaitu bagi tajuk “Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan





Kaedah Quran Isyarat bagi golongan OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang”.

Permasalahan kajian yang pertama adalah dari sudut pelaksanaan pengajaran dan program Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat itu sendiri. Menurut Adnan et al., (2017), kurangnya tumpuan ataupun perhatian daripada pelbagai pihak terhadap pihak orang kurang upaya (OKU) ini berkaitan isu pengajaran agama dan hampir tiada tawaran sekolah agama atau kelas agama bagi golongan ini. Hal ini berlaku disebabkan ramai pihak yang beranggapan bahawa golongan orang kurang upaya (OKU) ini tidak sepatutnya atau tidak layak untuk belajar agama terutama sekali di dalam pengajaran Al-Quran. Di samping itu, tidak ramai pihak yang berani tampil ke hadapan untuk membuka kelas-kelas pengajian agama terutama sekali pengajaran Al-Quran kerana mempunyai naratif bahawa golongan ini tidak perlu untuk mempelajari Al-Quran, sedangkan pengajaran Al-Quran itu sendiri sebenarnya bukan khusus kepada golongan normal sahaja bahkan golongan orang kurang upaya (OKU) juga tidak terkecuali. Oleh itu, isu yang timbul daripada kajian ini adalah kurangnya tumpuan dari pelbagai pihak berkenaan pengajaran agama bagi OKU masalah pendengaran dan tiada kelas agama yang ditawarkan kepada golongan OKU khususnya OKU masalah pendengaran.

Selain itu, permasalahan kajian yang kedua terdapat di dalam kajian ini adalah dari sudut masalah dan cabaran yang dihadapi di dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran. Menurut Siti Muhibah (2010) (diambil daripada Adnan et al., 2017), permasalahan yang sering timbul ini adalah berpunca daripada kebanyakan





guru agama ataupun guru Al-Quran di Malaysia ini tidak mahir berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat dengan golongan OKU masalah pendengaran. Hal ini berlaku adalah kerana tidak ramai guru agama yang pandai dan berkemahiran dalam menggunakan bahasa isyarat serta juga disebabkan tidak ramai guru agama yang mempelajari bahasa isyarat. Tambahan lagi, apabila guru agama terutama sekali guru Al-Quran tidak mempelajari bahasa isyarat untuk diaplikasikan di dalam pengajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat maka sukar untuk guru Al-Quran mengajar golongan OKU masalah pendengaran bagi pengajaran Al-Quran. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa isu yang timbul daripada masalah dan cabaran yang dihadapi di dalam kajian ini adalah kurangnya kemahiran guru dan kekurangan guru Al-Quran di dalam mengaplikasikan bahasa isyarat bagi Kaedah Quran Isyarat ini.



Seterusnya, permasalahan kajian yang ketiga adalah dari sudut keberkesanan dan cadangan bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat untuk komuniti OKU masalah pendengaran. Menurut Siti Ramna et al., (2021), di dapati bahawa keberkesanan dan cadangan yang dihadapi bagi pelaksanaan pengajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat adalah wujudnya kelemahan memahami serta menguasai kemahiran Kod Tangan Quran (KTQ) dari kalangan pelajar berkenaan menggunakan serta mengaplikasi asas Kod Tangan Quran (KTQ) dalam pengajaran Al-Quran. Selain itu, wujud juga kekeliruan dengan penggunaan Kaedah Fakih (dikenali sekarang sebagai Quran Isyarat) dari kalangan pelajar kerana pelajar OKU masalah pendengaran itu sendiri menyedari bahawa apa yang diisyaratkan oleh mereka itu dalam pengajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Fakih itu salah disebabkan keliru di antara Kaedah Fakih dengan





Kod Tangan Quran (KTQ). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa isu mengenai permasalahan kajian dari sudut keberkesanan dan cadangan adalah wujudnya kelemahan memahami serta menguasai kemahiran Kod Tangan Quran (KTQ) dan kekeliruan dengan penggunaan Kaedah Fakih (dikenali sekarang sebagai quran isyarat) dari kalangan pelajar OKU masalah pendengaran.

Kesimpulannya, dapat dikenalpasti bahawa daripada permasalahan kajian yang dinyatakan daripada kajian-kajian lepas ini, permasalahan kajian yang wujud daripada tajuk kajian yang ingin dikaji adalah sebanyak tiga permasalahan kajian yang timbul. Tiga permasalahan kajian tersebut adalah daripada aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat, aspek masalah dan cabaran yang dihadapi di dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat dan aspek keberkesanan dan cadangan bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat. Justeru itu, daripada isu yang telah dihuraikan menunjukkan bahawa kajian ini diperlukan bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran dapat diperluaskan secara menyeluruh dan juga dapat memastikan pelajar OKU masalah pendengaran tidak keciciran dalam mempelajari Al-Quran.





## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan objektif yang telah dikenal pasti bagi merancang gerak kerja yang teratur. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji beberapa aspek tertentu iaitu:

- i. Mengenalpasti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat dalam kalangan tenaga pengajar bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang.
- ii. Mengenalpasti masalah dan cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang.
- iii. Mengkaji keberkesanan dan cadangan oleh tenaga pengajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang.





## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah untuk memfokuskan kepada pencapaian objektif umum kajian tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang, soalan-soalannya adalah seperti berikut:

- i. Bagaimanakah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat dalam kalangan tenaga pengajar bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang?
- ii. Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang?
- iii. Adakah terdapat keberkesanan dan cadangan bagi tenaga pengajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang?





## 1.6 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini terdapat hipotesis yang terbentuk untuk mendapatkan penjelasan dan jawapan kepada persoalan kajian yang dikaji. Berikut merupakan hipotesis (Ho) kajian:

- i. Ho1: Terdapat hubungan antara kefahaman OKU lelaki masalah pendengaran dengan kemahiran OKU perempuan masalah pendengaran dalam menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi pembelajaran Al-Quran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang.

## 1.7 Kepentingan Kajian



Terdapat beberapa dorongan dan ilham serta kepentingannya dalam kajian tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang. Kajian ini memberi kepentingan kepada pelbagai pihak iaitu memberi bantuan kepada komuniti OKU masalah pendengaran itu sendiri dalam mempelajari Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat ini. Hal ini adalah kerana kajian ini dapat membantu OKU masalah pendengaran yang tidak mahir dan tidak pandai membaca Al-Quran untuk mula belajar Al-Quran dengan berkesan dan efektif berpandukan Kaedah Quran Isyarat ini. Oleh itu, kajian ini secara umumnya penting disebabkan untuk menyumbang kaedah atau teknik yang berkesan kepada golongan OKU masalah pendengaran dalam mempelajari Al-Quran agar mereka tidak tercicir dari mempelajarinya.





Kajian ini juga penting bagi pelbagai pihak iaitu memberi pengetahuan kepada pihak kerajaan untuk mengetahui bahawa terdapat kaedah yang bersesuaian untuk golongan OKU masalah pendengaran mempelajari Al-Quran seperti Kaedah Quran Isyarat ini. Hal ini adalah kerana dengan adanya Kaedah Quran Isyarat ini maka akan memudahkan pihak kerajaan untuk memastikan kaedah ini dapat dilaksanakan dan terus dimanfaatkan penggunaanya kepada OKU masalah pendengaran. Ia juga akan memberikan kemudahan kepada pihak kerajaan untuk membuat penetapan mengenai kaedah ini agar ia dapat disebarluaskan dan diselaraskan penggunaanya kepada semua agensi kerajaan mahu pun agensi bukan kerajaan. Oleh itu, kajian ini secara umumnya penting kepada pihak kerajaan agar Kaedah Quran Isyarat ini dapat dioptimumkan penggunaanya kepada semua agensi kerajaan ataupun swasta yang mempunyai pelajar dari kalangan komuniti OKU masalah pendengaran.



## 1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Kajian ini hanya terbatas kepada tenaga pengajar, pelajar OKU masalah pendengaran dan pentadbir Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang sahaja.
- ii. Kajian ini dijalankan ke atas Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang bertempat di Kompleks Masyarakat Penyayang, Jalan Utama, Pulau Pinang.





- iii. Kajian ini hanya memberi fokus kepada aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat.

## 1.9 Definisi Istilah

Berdasarkan tajuk kajian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang, pengkaji akan menjelaskan beberapa pembolehubah yang menjadi konstruk kajian ini.



### i. Pelaksanaan

Menurut Kamus online Dewan Bahasa dan Pustaka (t.t), pelaksanaan adalah mengenai perihal, perbuatan atau proses melaksanakan sama ada menjalankan atau mengusahakan sesuatu rancangan atau tugas. Pelaksanaan juga boleh diertikan sebagai tindakan atau proses melakukan sesuatu perkara atau tugasan. Pelaksanaan juga boleh dimaksudkan sebagai proses atau tindakan melaksanakan sesuatu dengan langkah-langkah yang diperlukan bagi mencapai hasil yang diinginkan. Oleh itu, berdasarkan maksud pelaksanaan bagi kajian ini ia merujuk kepada sejauhmana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran





menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran.

## ii. Pengajaran

Merujuk kepada Kamus online Dewan Bahasa dan Pustaka (t.t), pengajaran bermaksud mengajar segala sesuatu yang berkaitan. Menurut Gergers (2005) (diambil daripada Kamarul Azmi, 2016), pengajaran adalah diambil dari perkataan *ta'lim* atau *teaching* yang ditakrifkan sebagai wahana penyampaian kemanusiaan dan wahana pendidikan, iaitu menyampaikan maklumat dan pengetahuan daripada guru kepada pelajar. Tanpa tiga komponen ini, pengajaran

tidak akan berjaya. Ia ialah guru, pelajar dan kaedah pengajaran yang menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) sebagai perantara guru untuk menyampaikan kefahaman kepada pelajarnya. Secara umumnya, maksud pengajaran adalah satu tindakan menyampaikan sesuatu ilmu kepada seseorang berpandukan ilmu pengetahuan yang dimilikinya. Oleh itu, pengajaran di dalam kajian ini merujuk kepada pengajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat.

## iii. Pembelajaran

Pembelajaran merupakan proses, cara atau perbuatan menjadikan individu atau makhluk untuk belajar. Menurut Kamus online Dewan Bahasa dan Pustaka (t.t), pembelajaran membawa maksud perihal





atau proses belajar atau sistem. Manakala menurut Gergers (2005) (diambil daripada Kamarul Azmi, 2016), pembelajaran membawa maksud bagaimana cara pelajar dapat mempelajari dan menguasai sifat, keterampilan dan pengetahuan yang bermanfaat bagi mereka sendiri. Oleh itu, secara umumnya, pembelajaran adalah satu proses atau bentuk untuk individu mempelajari sesuatu ilmu.

#### iv. Quran Isyarat

Quran Isyarat ini adalah satu kaedah atau proses pembelajaran yang menggunakan kaedah satu huruf dan dimulai dengan mengenal, menghafaz, membaca dan memahami Al-Quran (Nor Shafawati, 2022). Menurut Nor Aziah et al., (2012) (diambil daripada Raina et al., 2023), pembelajaran Al-Quran melalui Quran Isyarat dahulunya dikenali sebagai Kaedah Fakih menggunakan nombor dan warna, ia menggunakan tiga warna berbeza untuk menunjukkan huruf, tanda syaddah dan sukun. Secara umumnya, maksud Quran Isyarat ini adalah Quran yang mengandungi bahasa-bahasa isyarat yang melambangkan dan menjadi simbol bagi huruf-huruf hijaiyyah di dalam Al-Quran. Oleh itu, Quran Isyarat di dalam kajian ini merujuk kepada Kaedah Quran Isyarat yang digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang.






## v. OKU masalah pendengaran

Menurut Raina (2023), orang yang tidak dapat mendengar dengan jelas dipanggil orang kelainan upaya pendengaran, sama ada individu itu tidak dapat mendengar dengan baik melalui kedua-dua telinga tanpa mendengar menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar secara direktif walaupun dengan bantuan alat pendengaran.

Menurut Hishamuddin et al., (2020), ketidakupayaan mendengar merujuk kepada individu atau seseorang yang mengalami ketidakupayaan pendengaran yang diperoleh sama ada semenjak lahir lagi atau selepas kelahiran, kebiasaannya mereka yang mengalami masalah ini akan mengalami kesukaran atau tidak dapat mendengar bunyi perbualan ataupun bunyi persekitaran. Secara umumnya, OKU masalah pendengaran ini bermaksud golongan orang kurang upaya (OKU) yang menghadapi kesukaran atau tidak mampu mendengar dengan baik. Oleh itu, OKU masalah pendengaran yang difokuskan di sini adalah pelajar-pelajar OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang.



## 1.10 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1: Ubahsuai dari Teori Sufian Jallet & Jamal Nordin (2021)

Kerangka konseptual dalam kajian ini dibina untuk melihat perkaitan pembolehubah yang dikaji. Kerangka konsep kajian ini juga memberi gambaran dan petunjuk kepada perancangan kajian dan selaras dengan objektif kajian. Bahagian pertama adalah selari



dengan objektif kajian iaitu melihat kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat, masalah dan cabaran yang dihadapi dalam pengajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat serta keberkesanan dan cadangan dalam pengajaran Al-Quran yang menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran. Bahagian yang kedua adalah untuk mengkaji mengenai Kaedah Quran Isyarat yang digunakan sebagai satu kaedah pengajaran Al-Quran bagi komuniti OKU masalah pendengaran. Bahagian yang ketiga adalah untuk mengkaji mengenai tenaga pengajar Quran Isyarat dan komuniti OKU masalah pendengaran berkaitan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran berpandukan Kaedah Quran Isyarat ini. Jadi keseluruhannya, pengkaji akan melihat sejauhmana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran.



Dalam kerangka tersebut, menunjukkan bahawa Kaedah Quran Isyarat yang dikaji ini akan memfokuskan terhadap tiga perkara iaitu dari sudut pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat, kedua dari sudut masalah dan cabaran yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat dan ketiga dari sudut keberkesanan serta cadangan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran yang menggunakan Kaedah Quran Isyarat ini. Selain itu, Kaedah Quran Isyarat ini hanya difokuskan kepada guru, komuniti OKU masalah pendengaran dan pentadbir sahaja di dalam kajian ini. Oleh itu, kerangka konseptual kajian ini akan memberi gambaran kepada pembaca untuk melihat sejauhmana perjalanan kajian ini dilaksanakan.





## 1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab 1 ini membincangkan mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang dan dalam bab ini juga dibincangkan secara ringkas mengenai kajian ini. Di dalam bab 1 ini membincangkan mengenai pendahuluan dan latar belakang kajian yang menyentuh mengenai kewajipan mempelajari Al-Quran, penggunaan Kaedah Quran Isyarat bagi komuniti OKU masalah pendengaran dan juga membincangkan ringkas mengenai komuniti OKU masalah pendengaran. Selain itu, bab ini menceritakan tiga permasalahan kajian yang terdapat dalam kajian ini iaitu dari aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Quran Isyarat, kedua dari aspek masalah dan cabaran yang dihadapi di dalam pengajaran menggunakan Kaedah Quran Isyarat dan ketiga dari aspek keberkesanan dan cadangan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran yang menggunakan Kaedah Quran Isyarat ini. Seterusnya, bab ini juga membawakan tiga objektif kajian yang ingin dicapai di dalam kajian ini beserta persoalan kajian yang mempunyai perkaitan diantara satu sama lain. Di samping itu, dibawakan juga hipotesis kajian mengenai hubungkait antara kefahaman OKU lelaki masalah pendengaran dengan kemahiran OKU perempuan masalah pendengaran dalam menggunakan Kaedah Quran Isyarat bagi pembelajaran Al-Quran di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang. Tambahan lagi, bab ini juga membawa kepada kepentingan kajian ini dilaksanakan iaitu memberi kepentingan kepada OKU masalah pendengaran dan pihak kerajaan. Bab ini juga membawakan mengenai batasan kajian di dalam kajian iaitu merangkumi responden, tempat kajian dan fokus kajian. Bab ini juga membawakan mengenai 5 definisi istilah dalam kajian





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ini iaitu mengenai pelaksanaan, pengajaran, pembelajaran, Quran Isyarat dan OKU masalah pendengaran. Akhir sekali, bab ini juga membincangkan mengenai gambaran kajian ini melalui kerangka konseptual kajian yang dibina. Oleh itu, secara keseluruhannya ini adalah gambaran awal mengenai kajian ini secara ringkas di dalam bab 1. Justeru itu, kajian ini akan diteruskan lagi perbincangan secara mendalam di dalam bab 2.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

20